

19 JUN 2002

SOS-PEDAS

MUSLIM BEST PERKENAL "SOS CILI MALAYSIA" DENGAN EMPAT TAHAP KEPEDASAN

Oleh: Shamshudin Mohamed

KOTA BARU, 19 Jun (Bernama) -- Muslim Best Distributors Sdn Bhd (Muslim Best) -- syarikat milik penuh bumiputera berhasrat menghasilkan 1.15 juta botol produk terbarunya, "Sos Cili Malaysia", yang terdapat dalam empat tahap kepedasan mulai September ini untuk pasaran dalam dan luar negara.

Pengarah Eksekutif Muslim Best, Sheikh Ahmad Dasuki Sheikh Mohamad berkata langkah itu selaras saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya usahawan Malaysia mempelbagaikan produk keluaran mereka.

Empat tahap kepedasan yang akan dihasilkan itu ialah kurang pedas, pedas, sederhana pedas dan ekstra pedas, katanya ketika ditemui BERNAMA di sini hari ini.

Beliau berkata pengeluaran secara percubaan sebanyak 200,000 botol sebulan bermula awal bulan ini sehingga Ogos dan sehingga kini sambutan produk itu memperlihatkan tanda untuk menguasai pasaran tempatan terutama dipasarkan pada harga yang berdaya saing dengan sos cili sedia ada.

Sheikh Ahmad Dasuki berkata Muslim Best akan memulakan pengeluaran besar-besaran secara komersil mulai September ini dengan menghasilkan 48,000 karton sebulan. Setiap karton mengandungi 24 botol sos.

Katanya 70 peratus daripada "Sos Cili Malaysia" yang dihasilkan dengan cili Kulai itu disasarkan untuk pasaran domestik terutama melalui rangkaian restoran makanan segera A&W yang dimiliki Kumpulan KUB Berhad.

Bakinya adalah untuk eksport, terutama ke negara-negara Timur Tengah kerana bahan makanan pedas mempunyai potensi pasaran yang cerah.

Menurutnya, produk itu yang merupakan hasil pemindahan teknologi MARDI dihasilkan dengan 100 peratus cili segar tempatan.

Katanya Muslim Best kini sedang berunding dengan FAMA untuk mendapatkan kontrak bekalan cili secara tetap.

Beliau menganggarkan jika pengeluaran secara komersil bermula nanti, Muslim Best memerlukan 200,000 kg cili segar bernilai RM800,000 sebulan dan berharap penanaman cili Kulai, yang banyak ditanam di Kelantan menjadi lebih komersil dengan permintaan bulanan yang tetap.

Katanya pada masa ini Malaysia mengimport cili kering bernilai RM500 juta setahun, terutama dari India dan Myanmar.

"Sebahagian daripada bahan itu digunakan oleh pengusaha sos cili tempatan," katanya.

-- BERNAMA

SMO RAR NHD